

D.R. 29/2018

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan) 2018.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Seksyen baharu 56A

2. Akta Cukai Perkhidmatan 2018 [*Akta 807*] dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 56 seksyen yang berikut:

“Kuasa penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan

56A. Bagi maksud Akta ini, seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang apa jua pun pangkatnya sebagaimana

yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa yang sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkan kuasanya.”.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (“Akta 807”) untuk memperuntukkan kuasa penguatkuasaan tambahan bagi seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas Akta yang dicadangkan dan kuasa Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.

3. *Fasal 2* bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 56A ke dalam Akta 807 untuk memperuntukkan bahawa bagi maksud Akta 807, seorang pegawai kanan cukai perkhidmatan hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis yang apa jua pun pangkatnya sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubung dengan penguatkuasaan, pemeriksaan dan penyiasatan, dan kuasa sedemikian hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta 807 dan tidak mengurangkan kuasanya. Kuasa tambahan ini akan membolehkan Akta 807 dikuatkuasakan dengan lebih berkesan.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U2)3146]